

16- Bab Orang Yang Bersembahyang Dengan Memakai Farruj Sutera, Kemudian Dia Menanggalkannya.⁴³⁶

⁴³⁶ Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk menjelaskan lagi kedudukan hukum sembahyang seseorang yang memakai pakaian yang diharamkan, seperti sutera kepada lelaki. Bagi beliau sembahyang orang yang memakai pakaian atau perhiasan yang diharamkan seperti sutera, cincin emas dan lain-lain kepada lelaki adalah sah, walaupun dia berdosa kerana memakainya. Demikian juga pendapat jumhur 'ulama'. Keadaan orang itu sama seperti muhrim (orang yang berihram) yang memakai pakaian berjahit. Walaupun muhrim haram memakainya tetapi kalau dia bersembahyang dengan memakainya, sembahyangnya tetap sah. Sebabnya ialah pakaian yang dikehendaki untuk sahnya sembahyang hanyalah yang bersih dan menutup 'aurat. Kesalahan kerana melanggar peraturan ihram itu suatu perkara yang lain pula. Kerananya dia mestilah membayar fidyah atau kaffarah. Demikian juga dengan lelaki yang memakai sutera ketika bersembahyang. Kesalahan memakai sutera itu adalah suatu perkara lain. Ia tidak khusus dengan sembahyang semata-mata. Imam Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah bin 'Aamir sebagai dalil kepada sahnya sembahyang seseorang yang memakai sutera. Padahal sutera itu diharamkan kepada golongan lelaki. Lihat bagaimana Rasulullah s.a.w. tidak mengulangi kembali sembahyangnya yang ditunaikan dengan memakai baju sutera. Sebaik sahaja selesai bersembahyang, baginda terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya seraya bersabda: "Baju sutera ini tidak sesuai untuk orang-orang yang bertaqwa." Kata-kata beliau ini jelas menunjukkan sutera memang diharamkan kepada orang-orang lelaki Islam. Namun begitu beliau tidak mengulangi kembali sembahyang yang telah dikerjakannya. Tetapi pihak pembantah (seperti Imam Ahmad berdasarkan pendapatnya yang terkuat) boleh berkata bahawa tiada dalil bagi Bukhari r.a. di dalam hadits 'Uqbah itu. Sebabnya ialah sutera belum lagi diharamkan kepada lelaki ketika Nabi s.a.w. memakainya di dalam sembahyang berkenaan. Pengharamannya baru berlaku setelah Baginda s.a.w. selesai mengerjakannya. Kalaulah sutera memang telah diharamkan sebelum itu bagaimana Baginda s.a.w. memakainya pula, lebih-lebih lagi untuk bersembahyang. Tidak mungkin sama sekali Rasulullah s.a.w. melakukan sesuatu yang telah diharamkan. Justeru beliau terpelihara daripada dosa. Apa lagi tersebut di dalam hadits riwayat Jabir yang dikemukakan oleh Muslim bahawa: *صلى في قبا ديباج ثم نزع عنه وقال نهاني عنه جبريل* Bermaksud: (Nabi s.a.w.) telah bersembahyang dengan memakai baju (kot) labuh daripada sutera. Kemudian beliau menanggalkannya dan berkata: "Jibril melarang aku daripada memakainya." Kalau begitu kenapa Imam Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah sebagai dalil kepada da'waannya? Di mana kewajarannya?? Memang begitulah lafaz hadits yang dikatakan telah dikemukakan oleh Muslim daripada Jabir, seperti yang disebutkan oleh Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain dengan menukulkannya daripada Nawawi. Tetapi jika diperhatikan betul-betul, lafaz yang tepat seperti itu tidak terdapat di dalam Muslim. Apa yang tersebut di dalam Muslim, Nasaa'i, Musnad Ahmad, Musnad Abi 'Awaanah dan lain-lain sebagai riwayat Jabir itu adalah seperti berikut:

لَبَسَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا قَبَاءَ مِنْ دِيْبَاجٍ أَهْدَى لَهُ ثُمَّ أَوْشَكَ أَنْ نَزَعَهُ فَأَرْسَلَ بِهِ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَقِيلَ لَهُ قَدْ أَوْشَكَ مَا نَزَعْتَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ نَهَانِي عَنْهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَرِهْتَ أَمْرًا وَأَعْطَيْتَنِيهِ فَمَا لِي قَالَ إِنِّي لَمْ أُعْطِكُ لَتَلْبَسَهُ إِنَّمَا أُعْطَيْتُكَ تَبِيعَهُ فَبَاَعَهُ بِالْفَنِيِّ دَرَاهِمَ

Bermaksud: Pernah pada suatu hari Nabi s.a.w. memakai kot labuh daripada sutera yang dihidiahkan kepadanya. Sebentar kemudian Beliau s.a.w. menanggalkan kot itu lalu mengirimbkannya kepada 'Umar bin al-Khatthaab. Maka ada orang berkata: "Sekejap sangat engkau memakainya wahai Rasulullah s.a.w.!". Pada ketika itu baginda bersabda: "Jibril telah melarangku memakainya." (Setelah mendapat tahu tentang larangan Jibril itu) Terus datanglah 'Umar kepada Rasulullah s.a.w. sambil menangis dan berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w.! Setelah engkau tidak sukakan sesuatu, engkau memberinya pula kepadaku?! Apalah nasibku ini! (Maka) Berkatalah nabi s.a.w.: "Sesungguhnya aku tidak memberikan kot ini kepadamu supaya kamu memakainya. Tujuan aku memberinya kepadamu ialah supaya kamu menjualnya." 'Umar pun menjual kot sutera itu dengan harga dua ribu dirham."

Di dalam hadits ini langsung tidak disebutkan Nabi s.a.w. telah bersembahyang dengan memakai kot labuh daripada sutera yang dihidiahkan kepada beliau itu. Tidak juga tersebut di dalamnya Jibril melarang Baginda s.a.w. setelah selesai bersambahyang. Kemungkinan pengharaman sutera semasa Nabi s.a.w. sedang bersembahyang tetap ada, lantaran beliau boleh juga menerima wahyu ketika dalam sembahyang. Kemungkinan Jibril melarang Baginda s.a.w. daripada memakai sutera ketika beliau masih dalam sembahyang juga tetap ada. Terutamanya apabila dilihat bahawa sebaik saja beliau selesai bersembahyang, beliau terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya. Nah! di situlah letaknya kewajaran Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah di bawah tajuk bab ini. Di dalam Lami' ad-Daraari, Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi juga menulis bahawa: "Wahyu yang disampaikan Jibril tentang larangan memakai sutera itu turunnya adalah ketika Baginda s.a.w. masih di dalam sembahyang." Adapun hadits yang dikatakan telah dikemukakan oleh Muslim daripada Jabir itu sebenarnya bukanlah lafaz asalnya. Ia tidak lebih daripada andaian yang disimpulkan oleh Imam Nawawi daripada hadits Jabir

٣٦٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَهْدَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرُوجَ حَرِيرٍ فَلَيْسَهُ فَصَلَّى فِيهِ ثُمَّ انْصَرَفَ فَنَزَعَهُ نَزْعًا شَدِيدًا كَالْكَارِهِ لَهُ وَقَالَ لَا يَنْبَغِي هَذَا لِلْمُتَّقِينَ

362- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Yazid bin Abi Habib daripada Abil Khair daripada `Uqbah bin `Aamir, katanya: “Pernah dihadihkan kpd Nabi s.a.w. sehelai farraj sutera (sejenis kot labuh yg terbelah di bahagian hadapan dan belakangnya).⁴³⁷ Lalu baginda bersembahyang dengan memakainya. Tetapi sebaik saja selesai bersembahyang, baginda terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya seraya bersabda: “Baju sutera ini tidak sesuai untuk orang-orang yang bertaqwa.”⁴³⁸

setelah menggabungkannya dengan hadits `Uqbah yang sedikit sebanyak ada persamaan dengannya. Berikut adalah lafaz komen Imam Nawawi terhadap hadits ini. Lihatlah dengan teliti apa kata beliau:

وهذا اللبس المذكور في هذا الحديث كان قبل تحريم الحرير على الرجال ولعل أول النهي والتحريم كان حين نزعه ولهذا قال صلى الله عليه وسلم في حديث جابر الذي ذكره مسلم قبل هذا بأسطر حين صلى في قباء ديباج ثم نزعه وقال نهاني عنه جبريل فيكون هذا أول التحريم والله أعلم - شرح النووي على مسلم - (ج 14 / ص 52).

⁴³⁷ Orang yang menghadihkan farraj sutera itu kepada Nabi s.a.w. ialah Ukaidir bin `Abdul Malik al-Kindi. Dia ialah pembesar Dumatil Jandal. Dumatil Jandal terletak kira-kira tiga belas marhalah dari Madinah (satu marhalah ialah jarak satu hari pejalan kaki). Dari Dimasyq dan Kufah pula ia terletak sejauh sepuluh marhalah. Khathib al-Baghdadi di dalam kitabnya al-Mubhamaat menulis bahawa Ukaidir ini dahulunya adalah seorang Kristian kemudian dia memeluk agama Islam. Beliau juga menulis bahawa ada juga dikatakan, dia mati sebagai seorang Kristian. Ibnu Mandah dan Abu Nu`aim di dalam kitab mereka tentang para sahabat menulis bahawa Ukaidir telah memeluk agama Islam. Dialah orangnya yang menghadihkan kepada Rasulullah s.a.w. sepasang pakaian sutera Siyaraa'. Ibnu al-Atsir pula di dalam kitabnya Ma`rifatu as-Sahabah (pengenalan para sahabat) berkata: “Tentang hadiah dan persetujuannya untuk membayar jizyah kepada Nabi s.a.w. itu memang betul. Tetapi tentang dia memeluk agama Islam, itu salah. Kerana ahli-ahli Sirah sepakat mengatakan dia tidak memeluk agama Islam. Orang yang mengatakan dia memeluk Islam sebenarnya telah teruk tersalah.” Ibnu al-Atsir berkata lagi: “Ukaidir beragama Kristian. Setelah bersetuju untuk membayar jizyah kepada Rasulullah s.a.w. dia pulang ke bentengnya dan terus menetap di sana, sehinggalah Khalid bin al-Walid mengepung bentengnya itu di zaman Abu Bakar r.a. Dia kemudiannya dibunuh oleh Khalid sebagai seorang musyrik nashrani akibat pembatalan janji olehnya. Berdasarkan kenyataan ini Ukaidir tidak boleh dibilang sebagai salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w.”

⁴³⁸ Erti orang-orang yang bertaqwa ialah orang-orang yang mengelak diri. Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang mengelak diri di sini ialah sama ada orang-orang yang mengelak diri daripada kekufuran, maka ertinya ialah orang-orang Islam dan orang-orang mu'min. Atau orang-orang yang mengelak diri daripada kema'shitan, maka ertinya ialah orang-orang yang salih. Terdapat lebih daripada sepuluh pendapat `ulama' tentang hukum memakai sutera: (1) Jumhur `ulama', termasuk Imam Bukhari r.a. berpendapat haram kepada lelaki memakai sutera kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu tetapi tidak haram kepada perempuan dalam semua keadaan. (2) Haram kecuali ketika berperang. Ini adalah pendapat Anas, Abu Musa al-Asy'ari, Muhammad bin al-Hanafiyyah, `Urwah, Hasan Bashri, Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan Asy-Syaibani, Syafi'e, Ahmad dan at-Thabari. (3) Sesetengah `ulama' Syafi'iyah berpendapat haram kecuali ketika bermusafir. Tetapi Nawawi mengatakan pendapat ini dha'if. (4) Haram kepada lelaki kecuali dalam keadaan dharurat seperti sakit (yang memerlukan pesakit memakai sutera). Ini adalah pendapat jumhur `ulama' termasuk Bukhari r.a. (5) Haram kecuali sutera pada sesuatu pakaian itu hanya sekadar dua, tiga atau empat jari sahaja. (6) Haram kecuali pada cap atau tanda pakaian yang tidak melebihi empat jari. Ini adalah pendapat Hanafiyyah, Syafi'iyah dan satu pendapat Malikiyyah. (7) Ibnu az-Zubair berpendapat sutera haram kepada lelaki dan perempuan. (8) Haram pada pakaian tetapi tidak pada hamparan, bantal atau pelapik yang dipijak dengan kaki. Ini adalah pendapat Abu Hanifah dan sekumpulan Malikiyyah. (9) Menurut Abdullah bin Abi Mulaikah dan sekumpulan golongan Zahiriyyah sutera harus / boleh dipakai dalam semua keadaan oleh lelaki dan perempuan. (10) Tidak haram jika sutera itu bercampur dengan kain yang lain dan kain yang lain itu lebih

17- Bab Bersembahyang Dengan Memakai Pakaian Berwarna Merah.⁴³⁹

banyak daripadanya. (11) Haram kepada lelaki dalam semua keadaan. (12) Makruh saja kepada lelaki memakai sutera, bukan haram. Ini adalah pendapat Syaukani. (13) Abu Hanifah dan Malik mengharamkan lelaki memakai sutera tulen (seratus peratus) tanpa sebarang sebab dan keuzuran. (14) Ibnu al-Majisyun berpendapat sutera elok dipakai ketika berperang kerana ia meringankan atau menghindarkan kecederaan. Dalam keadaan ini sutera juga boleh dipakai untuk bersembahyang. Muhallab pula berpendapat sutera boleh menimbulkan kegerunan di dalam hati musuh kerana itu ia elok dipakai ketika perang. Masing-masing golongan 'ulama' yang berbeza pendapat itu mempunyai dalil dan alasan tersendiri berupa hadits-hadits, aatsar dan qaedah-qaedah syari'at. Dalam masalah ini pendapat jumhur adalah yang terbaik kerana terdapat banyak sekali hadits yang menyatakan sutera adalah haram kepada lelaki umat Muhammad dan ia halal kepada kalangan perempuan umat ini. Sementara hadits-hadits yang zahirnya menampakkan sutera halal kepada lelaki atau haram kepada lelaki dan perempuan, hendaklah dianggap sudah dimansuhkan oleh hadits-hadits lain yang mengharamkannya kepada lelaki dan menghalalkannya kepada perempuan dalam keadaan biasa. Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ia menunjukkan bahawa pada peringkat awalnya sutera tidak diharamkan kepada lelaki. Tetapi kemudiannya keharusan memakai sutera itu dimansuhkan (dibatalkan). (2) Tidak mengapa menggunakan sesuatu yang haram sebelum ia diharamkan. (3) Menurut jumhur 'ulama', sembahyang seseorang dalam keadaan memakai pakaian yang diharamkan atau pakaian yang diperolehi secara haram adalah sah, asalkan ia menutup aurat dan pada zahirnya ia suci. Tetapi orang yang melakukan demikian berdosa kerana telah menggunakan benda haram, apa lagi untuk bersembahyang. (4) Mengikut kebanyakan 'ulama', ibadat seseorang tidak terbatal dengan sebab dia melakukan atau menggunakan sesuatu yang dilarang syara' jika larangan itu tidak khusus dengan ibadat berkenaan. Ibadat seseorang bagi mereka baru terbatal, apabila dia melanggar larangan syara' yang khusus dengannya. Kerana itulah sembahyang seseorang tidak terbatal apabila dia ketika bersembahyang melihat sesuatu yang diharamkan melihatnya. Tetapi sembahyangnya terus akan terbatal, apabila wudhu'nya terbatal. Begitu juga dengan puasa, ia akan terbatal jika seseorang melanggar ketetapan syara' yang khusus dengannya seperti memakan, meminum, bersetubuh dan lain-lain. Puasa seseorang tidak terbatal dengan sebab dia berbohong, mencuri dan sebagainya. (5) Orang Islam tidak dihalang (harus) menerima hadiah daripada orang kafir. (6) Pemimpin negara Islam juga dibenarkan menerima hadiah daripada orang kafir. (7) Harus memakai kot labuh di luar sembahyang dan di dalam sembahyang.

⁴³⁹ Sebenarnya ada beberapa maksud tersirat Bukhari r.a. di sebalik bab yang beliau adakan ini. Antaranya ialah: (1) Bagi Syah Waliyyullah, maksud Bukhari r.a. mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan keharusan bersembahyang dengan memakai pakaian berwarna merah, asalkan ia bukan daripada pencilup 'ushfur (sejenis pokok yang bunganya wangi dan berwarna merah. Ia digunakan sebagai pencilup berwarna merah). (2) Menurut Hafiz Ibnu Hajar, menerusi bab ini Imam Bukhari r.a. selain menyatakan tentang keharusan memakai pakaian berwarna merah, beliau juga mahu menolak sesetengah kalangan yang mengharamkan orang lelaki memakai pakaian merah bersandarkan kepada hadits-hadits seperti di bawah ini, kerana ia adalah hadits dha'if. Berikut ialah teks hadits berkenaan bersama terjemahannya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ عَلَيْهِ ثَوْبَانِ أَحْمَرَانِ فَلَمْ يَرُدُّ عَلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: 'Abdullah bin 'Amar menceritakan: "Pernah seorang lelaki yang memakai sepasang pakaian merah lalu di hadapan Nabi s.a.w. Dia memberi salam kepada Beliau s.a.w., tetapi Beliau s.a.w. tidak menjawab salamnya." Hadits ini diriwayatkan oleh Baihaqi di dalam Syu'abu al-Imaan, Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath, Abu Daud, Tarmizi, Hakim, al-Bazaar dan lain-lain di dalam kitab mereka masing-masing. Di dalam isnadnya terdapat seorang perawi dha'if iaitu Abu Yahya al-Qattaat. Jika diandaikan hadits ini sahih sekalipun, ia masih tidak jelas menunjukkan sebabnya ialah kerana orang itu memakai pakaian berwarna merah semata-mata. Ini kerana Rasulullah s.a.w. sendiri ada memakai pakaian merah, malah beliau memakainya ketika bersembahyang. Hakikat ini dapat dilihat umpamanya di dalam hadits di bawah bab ini. (3) Bagi penulis mungkin sekali Bukhari r.a. mengemukakan bab ini bersama-sama dengan hadits di bawahnya, dengan tujuan menjelaskan maksud Nabi s.a.w. melarang orang-orang lelaki memakai pakaian merah di dalam beberapa haditsnya. Larangan Beliau s.a.w. itu bukanlah semata-mata kerana merah warnanya. Tetapi kerana menyerupai perempuan apabila memakai pakaian berwarna merah hasil celupan bunga 'ushfur, za'faran dan lain-lain yang wangi dan lumrah dipakai oleh kalangan wanita di zaman itu. Pendek kata yang dilarang sebenarnya ialah menyerupai wanita. Menerusi bab ini Bukhari r.a.

٣٦٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَرَفَةَ قَالَ حَدَّثَنِي عُمَرُ بْنُ أَبِي زَائِدَةَ عَنْ عَوْنِ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قُبَّةِ حَمْرَاءَ مِنْ أَدَمٍ وَرَأَيْتُ بِلَالًا أَخَذَ وَضُوءَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَأَيْتُ النَّاسَ يَتَتَرُونَ ذَلِكَ الْوَضُوءَ فَمَنْ أَصَابَ مِنْهُ شَيْئًا تَمَسَّحَ بِهِ وَمَنْ لَمْ يُصِبْ مِنْهُ شَيْئًا أَخَذَ مِنْ بَلَلِ يَدِ صَاحِبِهِ ثُمَّ رَأَيْتُ بِلَالًا أَخَذَ عَنَزَةً فَرَكَزَهَا وَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حُلَّةٍ حَمْرَاءَ مُشَمَّرًا صَلَّى إِلَى الْعَنَزَةِ بِالنَّاسِ رَكَعَتَيْنِ وَرَأَيْتُ النَّاسَ وَالِدَوَابَّ يَمُرُونَ مِنْ بَيْنِ يَدَيْ الْعَنَزَةِ

363- Muhammad bin 'Ar'arah meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Umar bin Abi Zaa'idah meriwayatkan kepadaku daripada 'Aun bin Abi Juhaifah daripada ayahnya, katanya: Pernah saya melihat Rasulullah s.a.w. di dalam kubah merah daripada kulit. Saya melihat Bilal mengambil (membawa) sisa air sembahyang rasulullah s.a.w. Saya (juga) melihat orang ramai berebut-rebut pergi mendapatkan sisa air (lebih air) yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk berwudhu'.⁴⁴⁰ Org-orang yang memperolehinya melumur-lumurkannya di tubuh mereka. Manakala org yang tidak sempat memperolehinya pula mengambil kesan-kesan basah yang ada di tangan rakannya.⁴⁴¹ Kemudian aku melihat Bilal mengambil lembing lalu dihunjamnya (ke tanah). Rasulullah s.a.w. pun keluar dengan memakai sepasang (satu sut) pakaian berwarna merah sambil beliau menyingsing (mengangkat) kainnya.⁴⁴² Baginda s.a.w. mengimami sahabat-

mahu menyatakan dua hukum yang berbeza untuk lelaki yang memakai pakaian merah, sama ada di dalam sembahyang atau di luar sembahyang. **Pertama:** Pakaian berwarna merah yang tidak dicelup dengan celupan merah (atau lain-lain warna) yang khusus dan lumrah dipakai oleh kaum wanita di sesuatu tempat, harus (boleh) dipakai oleh lelaki. **Kedua:** Pakaian merah yang dicelup dengan celupan merah (atau lain-lain warna) yang khusus dan lumrah dipakai oleh golongan wanita di sesuatu tempat pula makruh atau tidak elok dipakai lelaki di tempat itu, terutamanya ketika bersembahyang. Bagaimanapun sembahyang seseorang lelaki yang memakainya tetap sah. (4) Mungkin juga Bukhari r.a. mengadakan tajuk ini memandangkan warna merah adalah satu warna yang paling menjolok mata dan paling ketara dalam perhiasan manusia. Maka adakah boleh seseorang memakai pakaian berwarna merah semasa bersembahyang? Apa lagi semasa bersembahyang jema'ah, di mana mata sesetengah ahli jema'ah mungkin terpaku melihatnya sehingga hilang khusyu'annya? Imam Bukhari r.a. tidak menjawab kemusykilan ini di dalam tajuk babnya. Tetapi dengan mengemukakan hadits di bawahnya beliau secara isyarat memberikan jawapan kepada kemusykilan tersebut, iaitu tiada halangan, malah ia masih termasuk dalam perhisan yang dianjurkan supaya diambil untuk bersembahyang.

⁴⁴⁰ Di dalam riwayat Nasaa'i tersebut cerita Abu Juhaifah bahawa: "Bilal membawa keluar sisa air (lebih air) yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk berwudhu'. Maka orang ramai berebut-rebut pergi mendapatkannya. Saya (sendiri) telah mendapat sedikit daripadanya.

⁴⁴¹ Di dalam Bab Shifati an-Nabi s.a.w. Bukhari r.a. mengemukakan pula hadits ini dengan sedikit tambahan dan sedikit perbezaan pada lafaznya. Kata Abu Juhaifah: "Orang ramai berdiri. Masing-masing mereka mula memegang kedua belah tangan Beliau s.a.w. lalu menyapunya ke muka-muka mereka. Aku juga mengambil tangan Beliau s.a.w. dan meletakkannya di mukaku. Aku dapati tangan beliau lebih sejuk daripada salji dan lebih wangi daripada kasturi." Hadits Abu Juhaifah dengan tambahan ini telah diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad dan Thabaraani di dalam kitab mereka masing-masing.

⁴⁴² Di dalam riwayat Muslim tersebut: "Saya semacam sedang melihat putih kedua betis Rasulullah s.a.w." Maksud Abu Juhaifah ialah apa yang dilihatnya dalam peristiwa itu masih segar lagi dalam ingatannya.

sahabat bersembahyang dua raka'at dengan menghala ke arah lembing tersebut (sebagai sutrahnya).⁴⁴³ Aku melihat orang dan binatang-binatang melintas di hadapan lembing itu.”⁴⁴⁴

باب الصلاة في السطوح والمنبر والحشب قال أبو عبد الله ولم ير الحسن بأساً أن يصلي على الجمد والتناطير وإن جرى تحتهما بول أو فوقها أو أمامها إذا كان بينهما سُرَّةٌ وصلى أبو هريرة على سقف المسجد بصلاة الإمام وصلى ابن عمر على الثلج

18- Bab Bersembahyang Di Atas Sutih (Bumbung Rumah Yang Rata), Mimbar Dan Kayu.⁴⁴⁵
Abu 'Abdillah Berkata: "Hasan Berpendapat Tidak Mengapa Bersembahyang Di Atas Air

⁴⁴³ Sembahyang yang diimamai Rasulullah s.a.w. pada ketika itu ialah sembahyang zuhur. Di dalam riwayat Muslim tersebut: "Rasulullah s.a.w. tampil ke hadapan lalu beliau bersembahyang Zuhur dua raka'at. Kemudian bersembahyang 'Ashar dua raka'at. Kemudian beliau terus bersembahyang dua-dua raka'at hingga pulang ke Madinah." Berdasarkan riwayat Muslim dan keterangan al-'Aini juga diketahui bahawa peristiwa ini berlaku di Bathhaa' atau Abthah (iaitu satu kawasan yang terletak di antara Mekah dan Mina) selepas Nabi s.a.w. selesai mengerjakan haji wadaa'.

⁴⁴⁴ Antara panduan dan pengajaran yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Kita boleh (dibenarkan) memakai pakaian merah ketika tidak bersembahyang dan juga ketika bersembahyang. (2) Keharusan memasang khemah dan kubah daripada kain, kulit binatang dan lain-lain dalam perjalanan. (3) Mengambil berkat daripada peninggalan atau sesuatu yang telah digunakan oleh orang-orang soleh. (4) Sunnah memancangkan sesuatu seperti lembing sebagai sutrah (penghadang) ketika bersembahyang di tanah lapang atau di kawasan terbuka. (5) Keharusan mengqashar sembahyang dalam perjalanan. Sembahyang qashar malah lebih utama daripada sembahyang tamam, disebabkan oleh Rasulullah s.a.w. sentiasa bersembahyang qashar semasa beliau bermusafir. (6) Boleh lalu atau melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang, di atas daripada sutrah yang terletak di hadapannya. (7) Memakai pakaian berwarna adalah harus (dibolehkan). Ia tidak khusus untuk orang ramai sahaja bahkan pemimpin dan ketua negara juga boleh memakainya. (8) Warna merah adalah satu warna yang paling ketara kecerahannya dan dianggap komponen perhiasan dunia yang paling mempesonakan, terutamanya apabila ia dipakai oleh seseorang yang berkulit cerah. Namun begitu memakainya tidaklah menghilangkan kewara'an atau kezahidan seseorang. (9) Imam Bukhari r.a., Malik dan lain-lain berpendapat air musta'mal suci lagi menyucikan. Hadits Abi Juhaifah di atas merupakan salah satu pegangan mereka dalam masalah ini. (10) Kecintaan dan kasih sayang yang amat mendalam para sahabat kepada Nabi s.a.w. (11) Keharusan menyingsing atau mengangkat kain ketika perlu, sehingga kelihatan betis kepada orang lain.

⁴⁴⁵ Imam Bukhari r.a. memulakan Kitab as-Shalaat dengan perbincangan tentang kefardhuan sembahyang. Selepas itu beliau membincangkan pula tentang syarat-syarat yang diperlukan untuk sembahyang. Syarat yang mula-mula sekali dikemukakan beliau ialah menutup 'aurat. Ini kerana menutup aurat itu adalah sesuatu yang mesti sama ada ketika bersembahyang atau ketika tidak bersembahyang. Sembahyang seseorang tidak dikira sah jika auratnya terus terdedah tanpa sebab atau keuzuran. Bermula daripada bab ini Imam Bukhari r.a. membincangkan pula tentang syarat kedua untuk sahnya sembahyang, iaitu tempat yang bersih dan suci. Tempat yang bersih dan suci itu saja sebenarnya yang dikehendaki untuk sahnya sembahyang seseorang. Tidak kira sama ada tempat itu berupa tanah tinggi atau rendah, rata atau tidak, di atas rumah atau di atas bumi, di atas loteng atau di atas mimbar, di atas sutuh (bumbung rumah yang rata) atau di atas katil, di atas jambatan atau di bawahnya. Tidak kira juga sama ada terdapat saluran najis di bawah tempat sembahyang itu atau di atasnya atau di hadapannya asalkan ada pemisah atau penghalang di antara tempat sembahyangnya dengan tempat saluran najis itu. Pendek kata apa yang penting hanyalah tempat sembahyang seseorang itu bersih. Tanah atau bumi tanpa berlapis juga tidak menjadi syarat untuk sahnya sembahyang seseorang, justeru ia boleh bersembahyang di atas sejadah, papan, permaidani, kulit binatang, guni, plastik, batu jubin, gebar atau selimut tebal dan lain-lain. Seseorang juga boleh bersembahyang di atas air batu, salji yang beku, perahu, kapal laut dan kapal terbang. Sembahyang seseorang di atas tilam yang digunakan bersama isterinya juga sah jika tidak terdapat di atasnya kesan najis. Demikian juga sah sembahyang seseorang jika kain yang dipakainya ketika bersembahyang mengenai isteri atau perempuan-perempuan lain yang berhaidh yang sedang tidur di atas tilam berhampiran dengan tempat sembahyangnya. Apa yang disebutkan ini adalah ringkasan maksud